

# BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



**KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI**

ISSN 2289-8964



Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

9 772289 896001

# PENGLIBATAN JSG @ ESKU 2023

**Ainnie Rahayu Abdullah, Mohd Bukhari Md Yunus & Azrinawati Mohd Zin**

Pada 27-28 Mei 2023, bertempat di Dewan Besar UiTM CPP telah diadakan ekspo selangkah ke UiTM (ESKU) peringkat zon utara. Staf di Jabatan Sains Gunaan telah turut serta dalam mempromosi bidang-bidang berkaitan sains gunaan dalam ekspo tersebut. Ekspo ini diadakan khusus untuk calon-calon lepasan SPM/ STPM/ Matrikulasi dan program pra-U yang sewaktu dengannya. Di sini, mereka berpeluang mendapat informasi berkaitan kursus-kursus yang terdapat di seluruh sistem UiTM dan seterusnya membantu mereka memilih bidang yang layak dan diminati. Tidak dapat dinafikan bahawa ekspo selangkah ke UiTM (ESKU) dapat memberi impak yang sangat besar kepada enrolmen mahasiswa dan tempat berkongsi maklumat dan minat mereka untuk melanjutkan pengajian ke UiTM. Pihak UiTM juga mensasarkan unjuran enrolmen melebihi 100000 orang pelajar setiap tahun bagi ke semua program yang ada di dalam sistem UiTM.

